

THE USING OF HADITH AS THE BASIS FOR THE TWO-MINUTE ZONE CONCEPT: ANALYSIS ACCORDING TO THE VIEWS OF ISLAMIC ASTRONOMICAL EXPERTS IN MALAYSIA

PEMAKAIAN HADITH YANG MENJADI SANDARAN KONSEP ZON DUA MINIT: ANALISIS MENURUT PANDANGAN PANEL PAKAR FALAK DI MALAYSIA

Nurul Kausar Nizamⁱ, Khairussaadah Wahidⁱⁱ & Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawiⁱⁱⁱ

ⁱ Penyelidik, Persatuan Jurufalak Syarie Malaysia. nurulkausarnizam@gmail.com

ⁱⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Pusat Asasi UiTM, Dengkil, Selangor. khairussaadahwahid@uitm.edu.my.

ⁱⁱⁱ Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. saifulanwar@um.edu.my.

Abstract	<p><i>Malaysia uses a zone system to determine prayer times. Prayer times in Malaysia can be calculated by referring to reference stations. The precision of the two-minute zone concept is determined by considering the time difference between the east and west of a zone. There is a view stating that the basis for the formation of the two-minute zone is based on the hadith of the Prophet Muhammad SAW. Therefore, this study aims to examine the views of experts in Islamic astronomy panels in Malaysia regarding the basis for the formation of the two-minute zone in Malaysia. This study uses library research and field methods, such as structured interviews, to obtain relevant research data. The results obtained based on the analysis of the views of the Astronomical Expert Panel in Malaysia indicate that the hadith of the Prophet Muhammad SAW has no connection to the two-minute zone. Instead, this hadith explains the concept of completing the rakaat of prayer for those who perform their prayers at the end of the designated time.</i></p> <p>Keywords: <i>Zone System, Prayer Times, Two Minute Zone, Islamic Astronomy, Malaysia.</i></p>
Abstrak	<p><i>Malaysia menggunakan sistem zon dalam menentukan waktu solat. Waktu solat di Malaysia dapat dihitung dengan merujuk kepada stesen rujukan. Ketepatan konsep zon dua minit ini diputuskan dengan mengambil kira perbezaan di antara Timur dan Barat sesebuah zon. Terdapat pandangan yang menyatakan asas kepada pembentukan zon dua minit adalah berdasarkan hadith Nabi SAW. Justeru, kajian ini adalah untuk meneliti pandangan Panel Pakar Falak di Malaysia berkaitan asas pembentukan zon dua minit di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dan kaedah lapangan seperti temu bual berstruktur bagi memperoleh data kajian yang berkaitan. Hasil yang diperolehi berdasarkan analisis pandangan Panel Pakar Falak di Malaysia bahawa hadith nabi SAW ini tiada kaitan dengan zon dua minit. Sebaliknya, hadith ini menerangkan konsep mendapatkan rakaat bagi mereka yang melaksanakan solat di akhir waktu.</i></p> <p>Kata Kunci: <i>Zon, Waktu Solat, Zon Dua Minit, Pakar Falak, Malaysia.</i></p>

PENDAHULUAN

Waktu solat di Malaysia dapat dihitung dengan merujuk kepada stesen rujukan (Abdul Halim, 2011). Stesen rujukan ini merujuk kepada nilai latitud dan longitud tertentu. Ini menunjukkan bahawa sekiranya stesen rujukan yang digunakan berbeza maka ini akan menyebabkan perbezaan pada waktu solat yang dihasilkan.

Ketetapan zon waktu solat sebelum tahun 1995 adalah tidak seragam. Ini disebabkan dasar ketetapan ini di bawah kuasa hal ehwal agama negeri masing-masing (Mohd Saupi et al., 1997). Setiap negeri memiliki kepakaran dan kebijaksanaan berkenaan penentuan waktu solat mewakili negeri masing-masing. Hal ini menyebabkan berlakunya perbezaan ketara pada zon waktu solat di setiap negeri di Malaysia.

Berikutan daripada ketidakseragaman ini, terbentuknya bilangan keseluruhan zon-zon waktu solat yang sangat banyak. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM melalui Jawatankuasa Teknikal Kalendar Islam, Bahagian Hal Ehwal Islam, telah memperkenalkan zon waktu solat sekitar tahun 1995 (Mohd Saupi et al., 1997). Pada tahun tersebut, bilangan zon-zon waktu solat adalah sebanyak 168 zon. Bilangan zon sebanyak 168 pada tahun tersebut adalah disebabkan pada ketika itu waktu solat ditentukan berdasarkan kedudukan bandar-bandar utama (Utusan Melayu, 1995). Setelah itu, pada tahun 1996, bilangan zon waktu solat telah mengalami penurunan sebanyak 66 zon. Pengurangan zon kepada 66 zon adalah disebabkan titik paling Barat telah diperkenalkan (Berita Harian, 1996). Selepas beberapa penambahbaikan dilakukan bilangan zon telah berkurang menjadi 42 zon (Berita Harian, 1996). Pada tahun 1998 dan pada tahun 2004 telah berubah kepada 49 zon. Bilangan zon telah meningkat kepada 49 zon disebabkan Kedah telah melaksanakan kaedah pelbagai titik rujukan (Berita Harian, 2015).

Kini pada tahun 2019, bilangan zon telah mencapai sebanyak 58 zon waktu. Bilangan zon telah mencapai 58 zon adalah di sebabkan pada ketika ini Perak telah melaksanakan kaedah pelbagai titik rujukan. Bilangan zon negeri Perak telah bertambah kepada tujuh zon. Selain itu Kedah dan Selangor juga masing-masing telah menambah satu zon (JAKIM, 2019). Peningkatan ini adalah berikutan penambahan satu seperti satu zon bagi negeri Selangor, satu bagi negeri Kedah dan empat zon bagi negeri Perak. Pelaksanaan sistem zon ini perlulah memenuhi kriteria-kriteria berikut (Mohammad Saupi Che Awang, 2019):

- i. Perbezaan di antara Timur dan Barat untuk satu zon tidak melebihi dua minit.
- ii. Stesen rujukan yang dipilih mestilah berada di sebelah barat zon tersebut.
- iii. Kawasan tanah tinggi, gunung dan pulau perlulah menggunakan zon waktu yang berasingan.

Walaupun garis panduan ini dikeluarkan secara rasmi namun begitu tidak semua negeri perlu mengaplikasikannya dalam penentuan waktu solat. Ini disebabkan pelaksanaannya adalah bergantung kepada Jabatan Mufti negeri masing-masing. Garis panduan ini tertakluk perubahan mengikut jabatan mufti negeri masing-masing. Sebagai contoh, Sahibus Samahah Dato Mufti Negeri Kelantan menerima perbezaan waktu sehingga tiga minit bagi menyelesaikan isu persempadanan zon di negeri Kelantan. Sehubungan dengan itu, pembahagian bilangan zon mengikut negeri-negeri dapat dilihat dalam Jadual 1.

Jadual 1: Zon Waktu Solat Mengikut Negeri-Negeri di Malaysia

No	Negeri	Bilangan Zon
1.	Perlis	1
2.	Kedah	7
3.	Pulau Pinang Nota: kawasan puncak Bukit Bendera dikurang 3 minit pada waktu Subuh, Syuruk dan Dhuha serta ditambah 3 minit pada waktu Maghrib.	1
4.	Perak	7
5.	Selangor	3

6.	Wilayah Persekutuan. (Kuala Lumpur dan Labuan)	2
7.	Negeri Sembilan	2
8.	Melaka	1
9.	Johor	4
10.	Kelantan	2
11.	Terengganu	4
12.	Pahang	6
13.	Sabah	9
14.	Sarawak	9
Jumlah		58

Sumber: JAKIM (2022)

Jika ditinjau dari sudut keselarasan pelaksanaan konsep zon dua minit, Muhammad Zakuwa Rodzali menjelaskan bahawa isu keselarasan ini telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kalender Islam sejak tahun 2001. Namun demikian, isu ini tidak diputuskan sehinggalah dinilai semula dalam Muzakarah Pegawai-Pegawai Falak sekitar tahun 2009 (Muhamad Zakuwa Rodzali, 2019). Berikutnya, keputusan keselarasan penetapan zon waktu ini dapat dicapai dan disepakati dalam Mesyuarat Muzakarah Falak. Hasilnya, setiap zon waktu solat bagi negeri-negeri di Malaysia mestilah tidak melebihi dua minit (Shahril Azwan Hussin, 2019).

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan adalah kajian kualitatif. Metode yang dipilih adalah melalui kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kajian lapangan yang dijalankan adalah melalui kaedah temubual. Temubual ini dilakukan bagi mendapatkan pengalaman individu berautoriti dalam menyelesaikan isu-isu pembentukan zon waktu solat di Malaysia, asas syariah dalam pembentukan zon waktu solat di Malaysia dan pelaksanaan zon waktu solat di setiap negeri di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual tidak berstruktur bagi memperoleh pengalaman dalam menghitung zon waktu solat mengikut negeri masing-masing, isu dan permasalahan dalam zon waktu solat mengikut negeri serta asas fiqh dalam pemakaian sistem zon di Malaysia. Sebanyak 17 responden telah dipilih. Responden-responden ini dibahagikan mengikut kepakaran dalam bidang fiqh dan teknikal hitungan zon waktu solat.

PENENTUAN WAKTU SOLAT MENURUT FIQH SEMASA

Ketentuan dan ketetapan pelaksanaan solat fardu telah diputuskan daripada nas-nas yang qat'ie. Ibn 'Abidin menyatakan bahawa pelaksanaan solat adalah tuntutan fardhu ain ke atas setiap *mukallaf* berdasarkan nas-nas al-Quran seperti berikut (Ibn Abidin, 1907):

﴿وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ﴾

Maksudnya: "Dan dirikanlah kamu sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk." (Al-Quran. Al-Baqarah: 43)

﴿إِنِّي أَنَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدْنِي وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya Akulah Allah, tiada Tuhan melainkan Aku. Oleh itu, sembahlah aku dan dirikanlah sembahyang untuk mengingatiKu." (Al-Quran. Surah Taha: 14)

Manakala, perintah solat dalam nas yang qat'ī tentang kefardhuan solat lima waktu iaitu:

﴿إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya." (Al-Quran. Surah An-Nisa': 103)

Berdasarkan ayat-ayat di atas, kesemua nas-nas ini merupakan qat'ie dalam konteks perintah wajib melaksanakan solat. Tuntutan syarak ini adalah bersifat pengekalan sehingga ke akhir zaman sekali pun berlaku proses perubahan sosial dan 'urf serta budaya rentetan inovasi dalam kemajuan teknologi. Justeru itu, segala perubahan kehidupan sosial dan 'urf dalam hal ini tidak perlu diambil kira dan ia dikira sebagai faktor perubahan yang terbatal atau tertolak dalam konteks kefarduan lima waktu (Nurul Kausar, 2022).

Akan tetapi apabila dilihat kepada waktu bagi pelaksanaan solat, perinciannya secara spesifik adalah bersifat zanni memandangkan ia banyak bergantung kepada ijtihad fuqaha. Waktu solat haruslah didirikan mengikut had masa tertentu sepertimana yang telah disebutkan dalam hadith berkenaan waktu solat. Ketetapan waktu solat adalah berdasarkan pergerakan matahari dapat dilihat menerusi cerapan mata kasar. Sehubungan dengan itu, waktu Zohor dapat ditentukan apabila gelincirnya matahari di atas garisan meridian langit ('Abd al-Ḥalīm 'Uwaysh, 2011). Waktu Asar dapat dikenal pasti melalui pemerhatian terhadap panjang bayang matahari, terbenamnya matahari di ufuk Barat bagi waktu Maghrib (Kamāl al-Dīn Muḥammad, 1993), Isyak bermula sebaik sahaja hilangnya *shafaq ahmar* (Abū 'Abdullāh Muḥammad, 2001) dan terbitnya fajar *sādiq* bagi waktu Subuh. Penentuan waktu solat dengan hanya melihat kepada tanda-tanda semesta menimbulkan pelbagai permasalahan (King, 1990). Ini kerana faktor seperti awan, pandangan ufuk yang terbatas disebabkan bangunan tinggi menyebabkan bayang-bayang tidak dapat dilihat serta cahaya langit senja dan fajar *sādiq* sukar kelihatan.

Tambahan lagi, dari sudut pelaksanaan di Malaysia, sistem penempatan pada masa kini dipenuhi oleh bangunan-bangunan tinggi menyebabkan sukar untuk melakukan cerapan mata kasar bagi melihat ufuk dalam menentukan waktu solat. Berikutan itu, sistem zon telah diperkenalkan yang mana pelaksanaannya adalah bergantung mengikut jabatan mufti negeri masing-masing.

PEMBENTUKAN ZON WAKTU SOLAT DI MALAYSIA


Waktu solat di Malaysia ditentukan berdasarkan kepada sistem zon. Sistem zon yang dilaksanakan di Malaysia ini dibahagikan kepada dua kaedah iaitu kaedah titik paling Barat dan kaedah pelbagai titik rujukan (Mohd Paidi et al., 2017).

Kaedah Titik Paling Barat

Waktu solat berasaskan zon di Malaysia ini ditetapkan berdasarkan kepada stesen rujukan yang dipilih pada kedudukan paling Barat. Pemilihan stesen rujukan di sebelah barat ini adalah rentetan daripada pergerakan matahari iaitu terbit di sebelah timur dan terbenam di sebelah Barat. Oleh yang demikian, dalam konteks ini matahari dianggap telah melintasi kawasan di sebelah Timur terlebih dahulu kemudian diikuti dengan kawasan di sebelah Barat sesebuah zon (Nurul Kausar et al., 2020).

Jika diteliti dari sudut waktu solat, kawasan di sebelah Barat sudah tentu telah memasuki waktu solat berikutan matahari terlebih dahulu telah melalui kawasan di sebelah Timur (Hardi Sadali, 2019). Berdasarkan daripada kaedah ini kawasan di sebelah Timur dan Barat bagi sesebuah zon akan menggunakan waktu solat yang sama (Nurul Kausar et al., 2019). Kedudukan titik rujukan di sebelah Barat yang hanya merujuk kepada satu sahaja titik bagi setiap zon dapat dilihat seperti dalam Rajah 1.

Rajah 1: Pemakaian Titik Paling Barat di Negeri Terengganu



Sumber: Falak Suites (2024)


Kaedah Pelbagai Titik Rujukan

Pada masa kini, kaedah pelbagai titik rujukan hanya telah diguna pakai oleh tiga negeri sahaja iaitu Kedah (Abdul Majid, 2019), Pulau Pinang (Abdul Halim Abdul Aziz, 2019) dan Perak (Mohd Faizal Jani, 2019). Kaedah ini memerlukan kepada sebilangan titik untuk melakukan hitungan waktu solat.

Negeri Kedah menggunakan perisian yang dikenali sebagai Perisian Abdul Majid. Perisian ini terdiri daripada titik-titik yang dipilih melalui garisan sewaktu. Titik-titik ini kemudiannya akan dihitung menerusi perisian ini. Garisan sewaktu yang dipilih ini adalah berbeza bagi setiap waktu solat (Abdul Majid, 2019). Sementara itu, Pulau Pinang menggunakan perisian Python bagi menghitung waktu solat berasaskan kaedah pelbagai titik rujukan. Berdasarkan perisian ini pola perubahan titik yang terkesan bagi hitungan dapat dikenal pasti (Abdul Halim Abdul Aziz, 2019). Manakala, negeri Perak turut menggunakan perisian Python untuk membuat hitungan waktu solat menggunakan kaedah pelbagai titik rujukan (Mohd Faizal Jani, 2019).

Abdul Halim menjelaskan bilangan titik yang dipilih adalah bergantung kepada bentuk sesebuah zon itu sendiri. Secara umumnya, enam lokasi sudah memadai. Namun begitu, jika bentuk zon adalah berliku-liku maka bilangan lokasi yang wajar boleh melebihi 15. Titik-titik yang dipilih ini mengelilingi keseluruhan zon serta secara langsung merangkumi kawasan sempadan bagi sesebuah zon (Abdul Halim, 2015). Rajah 2 menunjukkan bilangan titik yang dipilih disekeliling zon bagi negeri Pulau Pinang.

Rajah 2: Titik Lilitan Kaedah Pelbagai Titik Rujukan di Negeri Pulau Pinang



Sumber: Google Earth (2024)

Seterusnya, hasil hitungan yang paling lewat di antara semua titik berkenaan akan diambil sebagai penentu masuk waktu solat. Manakala hasil hitungan yang paling awal di antara semua titik berkenaan akan diambil sebagai penentu berakhirnya waktu solat di negeri tersebut. Ini bagi menjamin solat yang dilakukan berada di dalam waktunya (Muhammad Hanif, 2019).

ANALISIS PANDANGAN PANEL PAKAR FALAK TERHADAP HADITH YANG MENJADI SANDARAN BAGI KONSEP ZON DUA MINIT

Dalam konteks pembentukan zon di Malaysia, kawasan Timur memasuki waktu solat terlebih dahulu berbanding dengan kawasan Barat dalam zon yang sama (Nurul Kausar et al., 2020). Pemilihan titik di sebelah Barat ini menyebabkan kawasan di sebelah Timur perlu menunggu sehingga lokasi di titik rujukan paling Barat masuk waktu. Ini disebabkan oleh faktor terbitnya matahari di sebelah Timur dan terbenamnya matahari di sebelah Barat (Khairul Anuar Yazid, Shahril Azwan, Muhamad Zakuwa Rodzali, Wan Muhammad Ezani, 2019). Sehubungan dengan itu, perbezaan waktu bagi sesebuah zon di antara titik Timur dan Barat ditetapkan mestilah berada dalam julat waktu dua minit (Azhari Mohammad, Abdul Halim, 2019).

Walaupun ketetapan sebanyak dua minit telah ditetapkan tetapi pelaksanaannya berbeza mengikut negeri. Terdapat pandangan yang menyatakan bahawa perbezaan waktu dua minit ini adalah waktu pukul rata bagi satu rakaat orang biasa (Mohammad Saupi et al., 2006). Justeru, hadith di bawah ini dijadikan sandaran oleh kebanyakan ahli Falak berkenaan dengan ketetapan zon waktu dua minit.

{ وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ أَدْرَكَ مِنَ الصُّبْحِ رَكْعَةً قَبْلَ أَنْ

تَطْلُعَ الشَّمْسُ، فَقَدْ أَدْرَكَ الصُّبْحَ، وَمَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الْعَصْرِ قَبْلَ أَنْ تَغْرُبَ الشَّمْسُ، فَقَدْ أَدْرَكَ الْعَصْرَ }

Maksudnya: "Daripada Abu Hurayrah RA bahawa sesungguhnya Nabi SAW bersabda "Sesiapa yang mendapat satu rakaat solat Subuh sebelum terbit fajar matahari, maka dia telah mendapatny. Sesiapa yang mendapat satu rakaat solat Asar sebelum terbenamnya matahari maka dia telah mendapatkannya". (Hadith. al-Bukhari, Bab Man Adraka Min al-Fajr Rak'at, 579)

Berdasarkan hadith ini kebanyakan ulama berpandangan bahawa solat yang telah dilaksanakan sebanyak satu rakaat dan ke atas dikira sebagai *adaa'*. Walaupun solat yang

dikerjakan dalam waktu hanya melebihi satu rakaat tetapi selebihnya dilaksanakan di luar waktu, ianya masih dalam kerangka *adaa'*. Pandangan ini dipersetujui oleh al-Nawawi (Muṣṭafá al-Bughā, 1979), al-Zurqani (t.t), dan al-Zarkasyi (2007). Akan tetapi, terdapat perbezaan pandangan ulama dari mazhab Hanafi. Ibn 'Abd al-Syakur (1993) menyatakan mencukupi bagi seseorang itu sekadar mengangkat takbiratul ihram, maka ianya telah dikira sebagai *adaa'*.

Apabila dilihat dari konteks pengamalan sistem zon di Malaysia, Samahah Dato' Sri Dr Haji Abdul Rahman Haji Osman, menjelaskan bahawa hadith ini merujuk kepada ketepatan masa yang mana sistem zon yang diguna pakai sehingga hari ini boleh dianggap sebagai kurang tepat. Ini disebabkan waktu solat merupakan ibadah wajib maka tiada tuntutan perlu kepada perbezaan waktu dua minit. Tambahan lagi, penambahan waktu dua minit ini memberikan kesan terutamanya di bulan Ramadhan. Dalam hal ini, bagi kawasan yang bertindih dalam sesebuah zon, penduduknya berkemungkinan terbuka puasa lebih awal dua minit. Tempoh dua minit ini boleh dianggap tempoh yang lama bersamaan dengan "kenyang makan" (Abdul Rahman, 2019).

Manakala, Sahibus Samahah Dato' Haji Mohamad Shukri Mohamad pula menyatakan hadith ini secara dasarnya ianya ditujukan kepada pelaksanaan solat dalam konteks *adaa'* (Mohamad Shukri, 2019). Akan tetapi, hadith ini boleh diterima sebagai satu ijtihad yang menjadikan sandaran kepada konsep zon waktu dua minit. Pandangan ini disokong oleh Wan Muhammad Ezani dan Mohamad Faizal Jani (2019).

Dalam membahaskan hubungan di antara hadith ini dan konsep zon dua minit, Mohd Paidi Norman berpandangan dalil penentuan waktu pukul rata ini tidak diputuskan secara *qat'i*. Namun begitu, penetapan waktu dua minit perlu melihat kepada kepada *'urf* (keadaan) setempat (Mohd Paidi, 2015). Jika dinilai dari perspektif bacaan dalam solat, sudah menjadi kebiasaan bagi masyarakat Islam di Malaysia membaca surah-surah pendek. Justeru, menurutnya waktu dua minit lebih bertepatan untuk dipadankan dengan waktu pukul rata bagi satu rakaat solat orang biasa di Malaysia.

Walau bagaimanapun, Sahibus Samahah Dato Dr. Anhar Opir, Sahibus Samahah Dato' Hj. Mohd. Yusof, Sahibus Samahah Dato Mufti Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri dan Muhammad Haniff Baderun menyatakan bahawa hadith ini tiada kaitan dengan pembentukan waktu zon dua minit, tetapi ianya berkaitan dengan pelaksanaan solat di akhir waktu dalam kerangka *adaa'* (Anhar Opir, 2019; Mohd Yusof, 2019; Zulkifli al-Bakri, 2019; Muhammad Haniff, 2019).

Dalam hal ini, hadith ini telah wujud sejak zaman Nabi S.AW. Penetapan waktu dua minit dalam sistem zon mempunyai maslahatnya yang tersendiri. Tiada perbincangan satu rakaat ini dalam skop pembentukan zon. Hadi s ini ditujukan kepada keadaan solat yang dilaksanakan sama ada *ada'a* atau tidak, bukannya zon waktu dua minit. Akan tetapi, terdapat kaitan di antara sistem zon dan kesan pelaksanaan solat di akhir waktu. Tambahan masa selama dua minit ini menjadikan waktu solat belum tamat. Pada asalnya solat yang dilaksanakan tidak dapat *ada'a* tetapi dengan penambahan dua minit, maka solat itu menjadi *ada'a*. Ini merupakan kesan di antara sistem zon dan solat yang dilaksanakan tanpa menjadikan hadith ini sebagai sandaran kepada penggunaan waktu dua minit dalam sistem zon (Anhar Opir, 2019; Mohamad Faizal Jani, 2019; Hardi Sadali, 2019).

Bahkan, Sahibus Samahah Dato' Hj. Mohd. Yusof menjelaskan rakaat yang dilaksanakan dalam solat tidak semestinya rakaat pertama dan waktu dalam satu rakaat ini tidak dapat diukur ketepatannya. Ini disebabkan bacaan dalam solat seseorang adalah berbeza. Dalam hal ini, seseorang yang memilih surah yang panjang akan mengambil masa yang lama untuk menghabiskan satu rakaat dalam solat. Justeru, tegasnya tiada keperluan untuk menyatakan hadith ini merupakan ijtihad bagi konsep zon waktu dua minit (Mohd Yusof, 2019).

Sementara itu, dari sudut teknikal pula Azhari Mohammad, Abdul Majid dan Abdul Halim pula menegaskan bahawa asas pembentukan zon adalah dua minit. Perbezaan di antara titik Timur dan Barat sebanyak dua minit menjadikan sesebuah zon itu dibentuk. Namun begitu, tuntutan dua minit ini tiada kaitan dari konteks Syariah (Azhari Mohammad,

2019; Abdul Majid, 2019; Abdul Halim, 2019). Oleh yang demikian, konsep zon waktu dua minit ini dibentuk untuk tujuan memudahkan urusan pentadbiran.

KESIMPULAN

Ketetapan konsep zon dua minit ini diputuskan dengan mengambil kira perbezaan di antara Timur dan Barat. Terdapat pandangan yang menyatakan asas kepada pembentukan zon dua minit ini adalah berdasarkan hadith ini.

{ وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ أَدْرَكَ مِنَ الصُّبْحِ رَكْعَةً قَبْلَ أَنْ تَطْلُعَ الشَّمْسُ، فَقَدْ أَدْرَكَ الصُّبْحَ، وَمَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الْعَصْرِ قَبْلَ أَنْ تَغْرُبَ الشَّمْسُ، فَقَدْ أَدْرَكَ الْعَصْرَ }

Maksudnya: "Daripada Abu Hurayrah RA bahawa sesungguhnya Nabi SAW bersabda "Sesiapa yang mendapat satu rakaat solat Subuh sebelum terbit fajar matahari, maka dia telah mendapatnya. Sesiapa yang mendapat satu rakaat solat Asar sebelum terbenamnya matahari maka dia telah mendapatkannya" (Hadith. al-Bukhari. Bab Man Adraka Min al-Fajr Rak'at, 579).

Namun begitu, hasil dapatan membuktikan bahawa hadith ini tiada kaitan dengan zon dua minit dan bukanlah sandaran yang menjadikannya terbentuknya konsep zon dua minit. Sebaliknya, hadith ini menerangkan konsep mendapatkan rakaat bagi mereka yang melaksanakan solat di akhir waktu dan disifatkan sebagai *adaa'* (Nurul Kausar, 2021).

RUJUKAN

Akhbar

- Berita Harian. (13 Januari 1995). Jumlah Zon Berbuka Lebih.
Berita Harian. (25 Januari 1996). Jadual Waktu Berbuka & Imsak Seluruh Malaysia-66 Zon.
Berita Harian. (30 Disember 1998). Perbezaan Masa Berbuka.

Buku

- 'Abd al-Ḥalīm 'Uwaysh. (2004). *Mawsu'at al-Fiqh al-Islami al-Ma'asir*. Misr: Dar al-Wafa'.
Abu 'Abdullah Muḥammad bin Idris bin al-'Abbas bin 'Uthman. (2001). *Al-'Umm*. Qahirah: Dar al-Wafa' li Tabā'ah Wa al-Nashr Wa al-Tawzi'.
Abu Ja'far Aḥmad bin Muḥammad bin Salamāt bin 'Abd Malik. (1996). *Mukhtasar Ihtilaf al-'Ulama'*. Bayrut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyah.
al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muḥammad bin Isma'il. (1998). *Sahih al-Bukhari*. Jordan: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
Baharrudin Zainal. (2004). *Ilmu Falak*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
David A. King. (1997). *Astronomical Instruments In The Islamic World*. Dlm: Encyclopaedia of the History of Science, Technology, and Medicine in Non-Western Cultures. Ed. Helaine Selin. Dordrecht: Kluwer Academic Publishers.
Kamal al-Dīn Muḥammad bin 'Abd al-Wahid al-Suyusi al-Ma'ruf. (t.t.). *Fath al-Qadir*. Damshiq: Dār al-Fikr.

Jurnal

- Abdul Halim, A. A. (2015). Kaedah Panca-Titik Dalam Menentukan Waktu Solat Zon. *Jurnal Falak*, 1(4), 67-75.
Mohd Paidi, N. (2015). Application Of Methods Of Westernmost Point And Multiple Reference Points In Determining Zone-Based Prayer Time: A Study In Selangor. *Online Journal of Research in Islamic Studies* 1 (3):23-42, 68.
Mohd Paidi, N., Mohd Norazri, M. Z., Mohd Solahuddin, S., Muaz, M. N., & Mohd Yusra, A. (2017). Multiple Reference Point in Determining Zone-based Prayer Time in Selangor. *Social Sciences & Humanities*, 25, 21-28.

- Nizam, N. K., Faid, M. S., Mohd Nawawi, M. S. A., & Norman, M. P. (2022). The Concept Of Zoning System For The Determination Of Prayer Time In Malaysia From Contemporary Islamic Jurisprudence Perspectives. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 28(2), 168-177.
- Nurul Kausar, N., Mohd Saiful Anwar, M. N., Saadan, M., Raihana, A. W., & Nurulhuda, A.Z. (2019). Pendekatan Tempatan dalam Mendepani Isu Isu Penentuan Waktu Solat. *Jurnal Fiqh*, 16 (1), 129-164
- Nurul Kausar, N., Mohd Saiful Anwar, M. N., Saadan. (2020). Comparative Analysis in Determining Method of Prayer Times in Malaysia. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 7(2), 43-52.

Kertas Kerja Persidangan

- Abdul Halim Abdul Aziz. (2011). *Kajian Terperinci Waktu-Waktu Solat Dalam Beberapa Zon Di Malaysia*. Makalah, Persidangan Muzakarah Falak, Hotel Flamingo, Ampang Selangor, 20-22 September 2011.
- Mohammad Saupi Che Awang. (1999). *Zon-zon Waktu Solat Yang Seragam dan Sistematis Bagi Seluruh Malaysia: Satu Cadangan*. Muzakarah Pegawai-Pegawai Falak Seluruh Malaysia, Hotel Seri Malaysia, Terengganu. 8-12 September, 1999.
- Mohd Saupi Che Awang, Kamaludin Mohd Omar, Mohd Zahib Deraman. (1997). *Kaedah Perkiraan dan Pembahagian Zon Waktu Solat di Malaysia*". Laporan Penyelidikan Jangka Pendek, UTM, Skudai. Jun 1997.

Laman Sesawang

- Maklumat Zon Waktu Solat. (2023). <http://www.islam.gov.my/data-terbuka> (diakses pada 21 Mei 2023)
- Portal Rasmi JAKIM. (2022). Zon Waktu Solat. <https://www.e-solat.gov.my/index.php?siteId=24&pageId=43> (diakses pada 25 Januari 2022)
- Sahibus Samahah Dato Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2019). Hukum Melakukan Sebahagian Perbuatan Solat Diluar Waktunya. laman sesawang Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/966-irsyad-al-fatwa-siri-ke-182-hukum-melakukan-sebahagian-perbuatan-solat-pada-luar-waktunya> (diakses pada 16 Disember 2019)

Temubual

- Abdul Halim Abdul Aziz. Profesor Madya, Jabatan Fizik, Universiti Sains Malaysia; Panel Pakar Falak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 23 Mac 2019
- Abdul Majid Abdul Wahid. Panel Penasihat, Bahagian Falak Negeri Kedah; Pembuat Kalendar Waktu Solat bagi Negeri Kedah. 30 April 2019.
- Azhari Mohammad. Ketua Pengarah, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia; Panel Pakar Falak, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 15 Mei 2019.
- Hardi Mohamad Sadali. Ketua Bahagian Falak, Jabatan Mufti Selangor. 12 November 2018.
- Khairul Anuar Yazid. Penolong Pengarah Kanan, Unit Falak, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKIM. 15 Januari 2019.
- Mohamad Faizal Jani. Penolong Pengarah Kanan, Ketua Falak, Jabatan Mufti Negeri Perak. 14 Januari 2019.
- Mohd. Rashidi Isa. Ketua Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri Sembilan. 22 Mei 2019.
- Muhamad Zakuwa Rodzali. Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Dakwah di Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan dan Panel Pakar Falak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 23 Januari 2019.
- Muhammad Hanif Baderun. Pegawai Falak dan Sumber Maklumat, Jabatan Mufti Pulau Pinang. 29 April 2019.
- Sahibus Samahah Dato' Dr Haji Anhar Opir. Mufti Negeri Selangor. 11 April 2019.
- Sahibus Samahah Dato' Mohamad Shukri Mohamad. Mufti Negeri Kelantan. 12 May 2019.
- Sahibus Samahah Dato' Mohd. Yusof Ahmad. Mufti Negeri Sembilan. 22 May 2019.

Sahibus Samahah Dato' Sri Abdul Rahman Osman. Mufti Kerajaan Negeri Pahang. 27 Mac 2019.

Shahril Azwan Hussin. Ketua Unit Falak, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 15 Januari 2019.

Wan Muhammad Ezani. Pegawai Falak dan Sumber Maklumat, Jabatan Mufti Negeri Kelantan. 30 Januari 2019

Tesis

Nurul Kausar Nizam. (2021). Kajian Kebolehlaksanaan Kaedah Pelbagai Titik Rujukan Dalam Penetapan Waktu Solat Oleh Pihak Berautoriti di Malaysia. Thesis Kedoktoran, Universiti Malaya.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.